



Headline: Warga emas rugi RM28,200 diperdaya Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 29 December 2022

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 15

---

---

# Warga emas rugi RM28,200 dipedaya Macau Scam

**Kuantan:** Seorang warga emas berusia 60 tahun menanggung kerugian sehingga RM28,200 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan melalui telefon.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, mangsa yang juga pesara badan berkanun menerima satu panggilan telefon pada November lalu.

“Pemanggil mengaku sebagai pegawai polis dan kemudian panggilan disambungkan kepada dua individu lain yang menyamar sebagai pegawai mahkamah dan pegawai Jabatan Peguam Negara.

“Mangsa diberitahu kyonnya telah terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan rasuah berjumlah RM1.5 juta,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata dalam keadaan ketakutan mangsa mengikut segalah arahan sehingga menukar nombor akaun bank melalui mesin pengeluaran automatik (ATM) dan akhirnya mendapati wang dalam akaun telah hilang sebanyak RM28,200.

“Pihak Polis Kontinjen Pahang menasihati orang ramai supaya jangan mendedahkan atau berkongsi apa-apa maklumat perbankan atau kewangan kepada mana-mana individu yang tidak berkenaan,” katanya.

katanya, pihak penguatkuasa tidak menjalankan apa-apa siasatan melalui panggilan telefon dan orang ramai disarankan supaya sentiasa semak dengan pihak polis untuk mengelakkan diri diperdayakan oleh sindiket Macau Scam.